



**UCAPAN ALUAN**

**MAJLIS KOLOKIUUM USAHAWAN BIMBINGAN RISDA  
2008**

**OLEH**

**TIMBALAN KETUA PENGARAH RISDA(PEMBANGUNAN)**

RISTEC, PORT DICKSON,  
NEGERI SEMBILAN  
2 DISEMBER 2008

**MEMBENTUK MASYARAKAT PEKEBUN KECIL YANG PROGRESIF DAN SEJAHTERA MELALUI AKTIVITI  
PERLADANGAN DAN KOMERSIAL**

**SALUTATION**

YG. DIHORMATI Pengerusi Majlis,

Y. BHG. TAN SRI RAHIM THAMBY CHIK  
Pengerusi RISDA,

TN HJ.NAJIB BIN A. SAMAD  
PENGARAH BAHAGIAN PENINGKATAN EKONOMI

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN,

PENGARAH RISDA NEGERI SEMBILAN,

SETERUSNYA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WRT,

1. ALHAMDULILLAH, SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN DIPANJATKAN KE HADRAT ILLAHI KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIANYA, DAPAT KITA MELUANGKAN MASA MENGHADIRI KOLOKIUUM INI.

2. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA KESUDIAN Y. BHG. TAN SRI RAHIM THAMBY CHIK, PENERUSI RISDA YANG SUDI MELAPANGKAN MASA DALAM KESIBUKAN WAKTU HADIR BAGI MERASMIKAN MAJLIS KOLOKIUUM INI.

3. KEPRIHATINAN TAN SRI DALAM MENCETUSKAN IDEA BAGI DIKUMPULKAN USAHAWAN RISDA MENJADI KEBANGGAAN KAMI DAN KINI MENJADI REALITI.

4.SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI, GAGASAN BADAN EKONOMI MELAYU , (GABEM) PASAR RAYA GERGASI TESCO DAN MYDIN YANG SUDI DATANG UNTUK MENYAMPAIKAN CERAMAH KEPADA PESERTA DI KOLOKIUUM INI.

5. Y. BHG. PENGERUSI, SERAMAI 150 ORANG TELAH DIPILIH DARIPADA 3020 ORANG USAHAWAN YANG TELAH DIBIMBING OLEH RISDA DALAM PELBAGAI BIDANG TERMASUKLAH BIDANG GETAH, SAWIT, MAKANAN RINGAN, KRAFTANGAN, TERNAKAN, TANAMAN, JAHITAN DAN TENUNAN SUTERA.

6. PESERTA YANG DIPILIH INI ADALAH MEREKA YANG BERUMUR LEBIH 20 TAHUN DAN YANG BELUM BERPELUANG MENGHADIRI SEMINAR KEUSAHAWANAN YANG DIANJURKAN OLEH RISDA DAN BERPOTENSI UNTUK BERKEMBANG DIPERINGKAT YANG LEBIH TINGGI.

7. KATEGORI DAN CIRI-CIRI USAHAWAN PEKEBUN KECIL ADALAH SEPERTI BERIKUT:

<b>KATEGORI USAHAWAN</b>	<b>PEROLEHAN TAHUNAN (RM)</b>	<b>BIL. PEKERJA SEPENOH MASA (ORG)</b>
<b>KADET</b>	< 144,000	< 3
<b>MIKRO</b>	145,000 - 200,000	< 5
<b>KECIL</b>	200,000 - 1 juta	5 – 19
<b>SEDERHANA</b>	1 juta – 5 juta	20 – 50

8. MELALUI KOLOKIUUM INI PESERTA DIBERI PENDEDAHAN KEPADA PELUANG-PELUANG YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN KHUSUSNYA RISDA, KKLW, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MeCD), GABEM DAN RANTAIAN PEMASARAN DENGAN PASAR RAYA GERGASI SAPERTI TESCO DAN MYDIN. PESERTA JUGA BERPELUANG UNTUK BERTUKAR PENGALAMAN DENGAN USAHAWAN LAIN DISAMPING MENAMBAH BAIK DAN MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN PRODUK MASING-MASING.

9. SELAIN DARIPADA PENCERAMAH JEMPUTAN PESERTA JUGA AKAN BERPELUANG UNTUK MENDENGAR `SUCCESS STORIES` IAITU PENGALAMAN DARIPADA USAHAWAN YANG PERNAH GAGAL DAN BERJAYA KEMBALI. SEMOGA CERITA-CERITA INI DAPAT MEMBERI SEMANGAT DAN MOTIVASI KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN UNTUK MENJADI USAHAWAN BERJAYA.

10. SAYA BERHARAP TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN DAPAT MENGHAYATI SEGALA PELUANG DAN CABARAN SEPANJANG DUA (2) HARI TEMPOH BERADA DI RISTEC UNTUK MENANAM SEMANGAT YANG KUAT DAN BERAZAM UNTUK MENINGKATKAN CITA-CITA MENJADI USAHAWAN YANG DIHORMATI DAN DISEGANI.

11. AKHIR KATA SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA Y. BHG. TAN SRI YANG SUDI HADIR DAN SETERUSNYA MERASMIKAN MAJLIS INI, SEMOGA DENGAN KEHADIRAN YG.BHG. TAN SRI DAPAT MENINGKATKAN KEAZAMAN DAN KECEKALAN USAHAWAN YANG MENGHADIRI KOLOKIUUM PADA KALI INI.

SEKIAN, WABILLAH.....